

21 MAR 1996

SUKOM - Televisyen

SUKOM HARAP METERAI PERJANJIAN DENGAN TVNZ MENGENAI HAK

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad yang berharap dapat memperolehi RM75 juta hasil jualan hak televisyen bagi Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 dijangka menandatangani perjanjian dengan TV New Pengerusi eksekutifnya Jen (B) Tan Sri Hashim Ali berkata rundingan kini di peringkat akhir dan mereka berharap perjanjian itu akan ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke New Zealand minggu depan.

"Terdapat kemungkinan dua perjanjian akan ditandatangani. Satu ialah antara RTM dan TVNZ mengenai aspek penyiaran tuan rumah dan kedua antara TVNZ dan Sukom mengenai hak televisyen," katanya di sini hari ini selepas menandatangani satu perjanjian bernilai RM1 juta dengan Permanis Sdn Bhd berhubung perlantikan syarikat itu sebagai minuman mineral rasmi sukan itu.

Perjanjian itu juga menandakan perlantikan syarikat berkenaan sebagai pembekal rasmi minimum mineral jenama "Bleu" bagi sukan itu.

Hashim berkata kontrak antara Sukom dan TVNZ sedang dirangka dan beliau berharap ia akan dirumuskan sebelum lawatan Dr Mahathir.

"Kami masih belum sampai kepada keputusan muktamad... kami tidak bersetuju dengan kuantum. Kami mempunyai angka kami sendiri dan mereka dengan angka mereka tetapi apa yang diharapkan ialah mereka akan membayar lebih daripada apa yang mereka bayar kepada penganjur Sukan (Komanwel di) Victoria," kata Hashim.

Hashim berkata majlis menandatangani perjanjian itu antara RTM dan TVNZ akan berlangsung pada 26 Mac di Wellington dan ia menyentuh mengenai kerjasama antara kedua-dua pihak untuk sukan itu.

Beliau juga berkata Sukom, yang telahpun menandatangani perjanjian itu dengan Channel Nine untuk hak televisyen bagi Australia adalah dalam peringkat rundingan dengan M-Network dari Afrika Selatan dan BBC dari United Kingdom.

"M-Network mahu mendapatkan hak bagi seluruh Afrika. Saya berharap sebaik saja kami bersetuju dengan semua tawaran itu kami akan dapat mencapai sasaran RM75 juta," kata Hashim. -- BERNAMA

AR CR MAI